



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PENUBUHAN PASUKAN SOKONGAN  
TINDAK BALAS KECEMASAN FAMA (CDERT FAMA)  
&  
PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PEGAWAI BERSEKUTU  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)**

**15 FEBRUARI 2022 (SELASA)**

**INSTITUT LATIHAN FAMA  
PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

Terima kasih kepada Saudara Pengacara majlis.

## **RUJUK SALUTASI FINAL DI LAPANGAN**

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Pertamanya, saya mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada semua tetamu jemputan yang dapat sama-sama hadir, khususnya kepada **Yang Berhormat Datuk Dr. Hj. Abd Latiff Bin Hj. Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas)** ke salah sebuah Institut Latihan Awam di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) iaitu **Institut Latihan FAMA pada hari ini.**
2. Mewakili warga MAFI, saya berasa berbesar hati atas kesudian **Yang Berhormat dan Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)** yang berkunjung ke sini bagi menyempurnakan penyampaian watakah pelantikan kepada **Pasukan Sokongan Tindak Balas Kecemasan FAMA atau ringkasnya CDERT FAMA** yang telah memasuki siri ke-3.
3. Sememangnya kita amat mengalu-alukan dan menghargai pengorbanan para *frontliners* seperti APM atau barisan hadapan yang bertugas saban hari tanpa mengenal penat dan lelah **termasuklah *frontliners* sektor agromakanan kita.**
4. Apatah lagi, tanpa pengorbanan dan usaha keras mereka, **kita tidak mungkin dapat memastikan kelangsungan dan jaminan bekalan makanan terjamin sepanjang masa.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

5. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil Kerajaan dengan mendokong pendekatan ***Whole of Government*** dan ***Whole of Society*** dalam memerangi pandemik COVID-19 akan memastikan ekonomi negara dapat membangun dan terus bersaing di peringkat domestik mahupun global.
6. Secara ringkasnya, pandemik COVID-19 dan langkah mitigasi yang diambil juga telah menguji daya tahan sistem makanan negara dan menyebabkan kesan limpahan terhadap keseluruhan rangkaian sistem makanan negara sehingga menyaksikan banyak norma baharu terpaksa dilaksanakan. Malah, **sudah tiba masanya untuk kita turut mengkaji semula dasar-dasar berkaitan bagi memastikan jaminan sekuriti makanan negara dalam jangka masa panjang.**
7. Seiringan dengan itu, MAFI di bawah **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** akan memberi penekanan kepada inisiatif bagi meningkatkan keupayaan sektor agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta **meningkatkan daya tahan sistem makanan secara menyeluruh.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

8. Baru-baru ini negara kita juga telah dilanda bencana banjir yang bukan sahaja memusnahkan harta benda malahan juga menyebabkan kehilangan nyawa. Saya **menzahirkan rasa dukacita** kepada seluruh Keluarga Malaysia yang terkesan dengan bencana ini.
9. Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada laporan yang diterima setakat ini, anggaran kerugian dalam **sektor agromakanan melebihi 90 juta ringgit melibatkan lebih 7,500 pengusaha** merentasi semua subsektor termasuk tanamam, akuakultur, ternakan dan sebagainya.
10. Sebagaimana yang tuan puan sedia maklum, Kerajaan komited menyediakan **Bantuan Banjir Keluarga Malaysia** yang komprehensif bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda negara.
11. Setakat ini, Kerajaan telah memperuntukkan lebih **RM2.03 bilion** melalui Bantuan Banjir Keluarga Malaysia bagi membantu rakyat terkesan membina semula kehidupan dengan segera, demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.
12. Kerajaan juga telah meluluskan **bantuan tambahan kepada pengusaha Agromakanan yang terjejas banjir melalui suntikan dana sebanyak RM20 juta untuk Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) menerusi MAFI**. Di bawah TBTP, pesawah yang mengalami kemusnahan tanaman padi akibat banjir bakal

menerima bantuan secara tunai sehingga RM1,800 per hektar dengan had maksimum sehingga 3 hektar.

13. Bagi pengusaha agromakanan lain pula, **RM50 juta tambahan disediakan di bawah Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA)**. Di bawah PPSPA, petani, penternak dan peladang yang terjejas akibat kerosakan banjir, layak untuk memohon untuk bantuan sehingga maksimum 50% daripada jumlah kerugian.
14. Saya yakin, inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan ini akan terus membantu **para petani, peladang, nelayan, penternak serta pengusaha agromakanan yang terjejas** dalam meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

15. Melangkah ke hadapan, selaras dengan **Kerangka Kerja Sendai untuk Pengurangan Risiko Bencana Tahun 2015-2030 (*Sendai Framework for Disaster Risk Reduction*)** yang disepakati oleh 187 negara, menekankan bahawa pengurangan risiko bencana merupakan tanggungjawab yang perlu dikongsi bersama **dengan semua pihak berkepentingan, membudayakan latihan secara bersepadu, terencana dan berkesinambungan**.
16. **Dalam hal ini, usaha MAFI melalui FAMA dalam melaksanakan CDERT adalah bertepatan dan seiring dengan semangat Keluarga Malaysia** yang dapat dilihat bahawa tugas serta

tanggungjawab dalam menghadapi bencana tidak hanya terletak kepada pasukan penguatkuasa semata-mata.

17. Saya dimaklumkan, siri pertama **CDERT FAMA yang dijalankan dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam (APM)** ini telah bermula pada **29 November 2021** dengan **penyertaan seramai 44 orang kakitangan FAMA telah menjalani latihan asas pertahanan awam di Institut Latihan FAMA, Port Dickson.**
18. Diikuti siri ke-2 dengan **penyertaan seramai 34 orang** dan kini, siri ketiga **dengan penglibatan seramai 164 orang dan akan menjangkau angka seribu kakitangan pada awal tahun 2023.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

19. FAMA juga telah diperuntukkan dana **sebanyak 30 juta ringgit di bawah peruntukan Program Rangsangan Ekonomi (PRE)** bagi melengkapkan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan FAMA di seluruh negara. Kelengkapan seperti kemudahan ruang penyimpanan bagi hasil pertanian segar dan proses, kemudahan bilik sejuk dan kenderaan FAMA telah berjaya memantapkan lagi usaha Kerajaan dalam menjamin bekalan makanan negara.
20. Rentetan itu, FAMA turut dilantik dan diberi tanggungjawab sebagai **penyedia kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)** untuk disalurkan ke seluruh negara apabila berlaku sesuatu bencana.

21. Atas dasar ini, **kakitangan FAMA perlu dilatih dan diberikan kemahiran untuk membantu jabatan dan agensi berkuasa awam** berkaitan dalam menyalurkan bantuan dan memberikan pertolongan kecemasan kepada kumpulan sasar yang terlibat.
22. **Latihan ini juga merupakan salah satu elemen yang dapat meningkatkan mutu penyampaian peranan FAMA** sebagai agensi pelaksana dalam pemantapan jaminan bekalan makanan semasa krisis dan bencana.
23. Sehubungan dengan itu, saya yakin FAMA akan terus mengoptimumkan peruntukan yang telah disalurkan bagi **melancarkan pelaksanaan program Pengedaran Bekalan Makanan Negara Pasca Bencana dan Krisis.**
24. Selain itu, kemudahan dan infrastruktur di Institut Latihan FAMA ini juga akan terus dipertingkatkan selaras dengan hasrat kerajaan dalam membangunkan Institut Latihan Awam sebagai salah satu Pusat Latihan berkepelbagaian dengan memberi **fokus kepada 3M iaitu menyelia kehidupan, membina semula daya tahan dan memangkin pembaharuan** dalam menerajui pembangunan Aspirasi Keluarga Malaysia dan Keluarga Agro.
25. Saya tidak berhasrat berucap lebih panjang, **sekali lagi saya menyokong penuh usaha yang dilakukan oleh FAMA ini dalam memberikan latihan kepada kakitangan awam yang secara tidak langsung juga dapat membentuk satu pasukan yang sentiasa bersiap siaga dalam memberikan bantuan kepada yang memerlukan.**

26. **Semoga kerjasama yang terjalin antara MAFI melalui FAMA dan APM ini akan terus diperkasa dan menyumbang kepada pengukuhan sektor agromakanan serta memastikan Sekuriti Makanan Negara terus terjamin.**

Sekian, terima kasih.